

TR 2:5:72

PERUTUSAN PERDANA MENTERI SEMPENA HARI BELIA 1972 DI RADIO DAN TV MALAYSIA PADA 15HB MEI, 1972

Saudara-saudara kaum belia seluruh negara.

Hari ini kita menyambut Hari Belia 1972 iaitu kemuncak dari kegiatan-kegiatan Minggu Belia yang telah dilancarkan pada 9hb Mei, lalu.

Selama seminggu ini kaum belia di seluruh negara kita telah merayakan Minggu Belia dengan mengadakan berbagai cara kegiatan, yang pada amnya, menitikberatkan tema Belia Bersatu untuk Perpaduan dan Pembangunan Negara.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan pujian kepada Majlis Belia Malaysia yang telah memikul tanggungjawab mengaturkan serta menyelenggarakan acara-acara Minggu Belia.

Dari apa yang sama-sama kita saksikan, kegiatan-kegiatan Minggu Belia kali ini menunjukkan beberapa pembaharuan yang pasti membawa kesan-kesan baik kepada pergerakan belia amnya. Tidak syak lagi, dengan bertambah tingginya minat dan lebih-lebih pula dengan tumbuhnya sikap baru yang penuh kesedaran dan keinsafan itu, saya yakin semua rancangan yang disusun oleh Kerajaan untuk kaum belia akan dapat dijayakan sepenuhnya.

Saudara-saudara sekalian,

Peranan belia dalam context pembangunan negara telahpun diiktiraf oleh seluruh masyarakat dalam ertikata bahawa belia merupakan tenaga utama dalam usaha memodenkan masyarakat kita. Saya gembira sekali melihat adanya rasa tanggungjawab ini di kalangan belia sekarang.

Seperti yang kita sama-sama maklum, tuntutan untuk modenisasi ini lebih-lebih dirasakan dalam masyarakat luar bandar khasnya kaum Bumiputra yang memerlukan pembaruan sikap untuk menghadapi cabaran-cabaran zaman kemajuan ini. Tanpa adanya sikap

baru di kalangan mereka saya bimbang mereka akan tercicir dalam perlumbaan hidup, yang bermakna akan melambatkan pula proses penyusunan masyarakat sebagaimana yang dimaksudkan itu.

Oleh yang demikian, saya percaya belia-belia dengan penuh semangat baru akan menyambut cabaran ini dan membuktikan bahawa kaum belia adalah pelupur dalam pembinaan masyarakat Malaysia baru. Bagaimanapun, Kerajaan sedar bahawa sebagai persediaan untuk tahun-tahun akan datang, langkah-langkah tegas mestilah diambil bagi membina jenerasi muda supaya belia-belia kita benar-benar merupakan modernising force dalam erti-kata sepenuhnya.

Saudara-saudara sekalian,

Kerajaan sedar bahawa pembinaan jenerasi muda adalah salah satu tanggungjawab yang besar dalam melaksanakan dan meneruskan usaha-usaha pembangunan mengisi cita-cita kemerdekaan. Kaum belia sebagai tunas bangsa adalah harapan sebagai pewaris untuk menyambung dan meneruskan pelaksanaan rancangan-rancangan hari ini dan masa depan untuk kebahagiaan negara.

Seperti yang saudara-saudara ketahui, Kerajaan telahpun menyusun berbagai rancangan khas untuk membukakan kesempatan bagi kaum belia melatih diri dalam berbagai lapangan. Dengan adanya rancangan-rancangan latihan itu belia-belia akan dapat mengembangkan daya kemampuan masing-masing untuk berbakti kepada negara dan masyarakat sambil membaiki prospect hari depan mereka sendiri.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam perutusan melancarkan Minggu Belia, Y.B. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerangkan langkah strategi yang akan dijalankan oleh Kementeriannya untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi kaum belia hari ini. Adalah jelas dari keterangan itu bahawa kaum belia khususnya dan jenerasi mudanya akan mewarisi hari depan yang cerah memandangkan pada prospect yang luas terbuka untuk mereka di masa hadapan. Bagaimanapun, saya ingin mengingatkan bahawa meskipun sebagai pewaris, kaum belia tidaklah patut mensifatkan diri mereka sebagai golongan teristimewa bahkan hanya merupakan sebahagian dari masyarakat serta mempunyai tanggungjawab yang sama kepada negara.

Kerajaan akan berbuat segala yang boleh membimbing dan menggerakkan jenerasi muda khususnya belia-belia hari ini untuk menjadi pewaris yang baik supaya dapat menyambung dan meneruskan usaha-usaha pembangunan hari ini membangunkan negara adil, makmur dan aman damai. Untuk tempoh beberapa tahun akan datang ini, kita mesti menumpukan seluruh azam dan tenaga untuk menjayakan rancangan-rancangan yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru. Kita sekarang mengejar waktu kerana kalau hasil usaha pembangunan itu tidak dapat dirasakan dan meninggikan taraf hidup golongan rakyat yang masih ketinggalan dalam tempoh masa yang tertentu pula, maka pasti akan timbul pergolakan-pergolakan sosial yang membahayakan kestabilan negara.

Kita maklum dan sedar tidak mungkin mengatasi segala kesulitan masyarakat sekali gus tetapi memerlukan pelibatan penuh atau total involvement masyarakat semua lapisan. Dalam era pembangunan ini, pergerakan belia tidaklah cukup hanya dengan berseminar atau berdialog saja, sebaliknya hendaklah melaksanakan apa-apa keputusan Seminar dan dialog itu dalam bentuk yang nyata serta membina. Sebagai tunas muda, saudara-saudara hendaklah bercita-cita tinggi serta bersedia dan sanggup menghadapi segala cabaran dengan hati yang cekal dan berani serta penuh didikasi kepada tugas dan kewajipan. Kata-kata sakti tidaklah begitu perlu kalau kaum belia kita menerima sebagai mission atau tugas suci mereka membina bangsa Malaysia kita ini menjadi bangsa dan negara besar dalam ertikata peranan dan sumbangannya kepada alam dan manusia.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam keadaan perhubungan masa yang cepat menerusi sebaran am, kita terdedah kepada pengaruh-pengaruh luar dan tidak dapat mengelakkan masalah-masalah yang melibatkan kaum belia bencana kejangkitan nilai-nilai budaya asing yang tidak sesuai dengan keperibadian bangsa. Amalan-amalan negatif mudah sekali berjangkit di kalangan muda remaja terutama mereka yang tidak mendapat bimbingan rohani yang sempurna, dan mendorong ke arah segala macam angkara kejahatan. Oleh yang demikian, sayugialah kaum belia kita menegakkan keperibadian kita yang halus dan ramah-tamah serta sentiasa waspada terhadap gejala-gejala kerosakan akhlak atau moral decadance yang boleh menghancurkan negara.

Di samping menegakkan keperibadian bangsa, adalah penting menanamkan nilai-nilai hidup modern kepada jenerasi muda sebagai satu faktor mutlak untuk menjamin proses pembangunan berjalan terus menerus. Kaum belia yang berbilang kaum khususnya hendaklah menanamkan dan memupuk rasa kesedaran nasional yang bersandar pada tiga pokok kesedaran untuk kelangsungan hidup bangsa dan negara. Pertama—rasa sehaluan atau sense of belonging, kedua—rasa penyertaan bersama atau sense of participation dan ketiga—rasa tanggungjawab bersama atau sense of responsibility. Rasa kesedaran ini hendaklah dipupuk saing bersaing dengan amalan prinsip-prinsip Rukunegara yang merupakan daya pengikat bagi persatuan dan kesatuan bangsa Malaysia yang tahan sepanjang zaman.

Saudara-saudara sekalian,

Akhir kata, saya mengulangi lagi seruan semuga angkatan belia kita bersedia dari sekarang untuk memikul tanggungjawab apabila tiba saatnya kelak angkatan hari ini menyerahkan tugas pimpinan bangsa dan pembangunan negara kepada jenerasi baru. Kepercayaan pada kekuatan sendiri dan semangat tidak mudah menyerah hendaklah benar-benar menjadi darah daging kerana hanya dengan keyakinan dan semangat itu mereka akan mampu memupuk ketahanan nasional dan memelihara keutuhan negara.

Selamat malam.



Tun Abdul Razak bin Hussein kelihatan sedang memerhatikan kulit yang telah siap diproses di Kilang Kulitkraf, Petaling Jaya pada 15hb Mei, 1972.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)